



**PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN •
CENTRE FOR RISK MANAGEMENT, OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 21 Februari 2022

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) Bil. 1/2022**

**DEKAN/ PENGARAH/ PENGETUA
FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT/ KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELANTIKAN PEGAWAI RISIKO DALAM KALANGAN KAKITANGAN GRED 41 KE ATAS DAN MENJADI AHLI
TETAP DALAM MESYUARAT PENGURUSAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ), UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MJPR) UKM Bil. 2/2021 bertarikh 1 September 2021 telah bersetuju untuk meluluskan lantikan Pegawai Risiko di PTJ hendaklah dalam kalangan kakitangan dari gred 41 dan ke atas. Pegawai Risiko yang dilantik hendaklah menjadi ahli tetap dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ. Hal pengurusan risiko di peringkat PTJ perlu menjadi salah satu agenda dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ supaya semua perancangan dan pelaksanaan program, aktiviti atau isu-isu berkaitan dengan pengurusan risiko di PTJ dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan cekap. Keputusan pelantikan Pegawai Risiko dalam kalangan kakitangan dari gred 41 dan ke atas berkuatkuasa serta-merta.

3. Sehubungan itu, ROSH-UKM memohon supaya pelantikan semula dibuat oleh PTJ yang telah melantik Pegawai Risiko dalam kalangan kakitangan yang tidak mengikut gred yang ditetapkan. Senarai tugas Pegawai Risiko terkini adalah seperti di lampiran. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada **Puan Shurianie Rahim (03-8921 4076; shurianie@ukm.edu.my)**. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu"

Yang benar,

PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- s.k. - **YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman**
Naib Canselor UKM
- **YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani**
Pro Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh